

KESIHATAN : Sakit gusi pencetus penyakit bahaya

Sumbangan oleh Dr Siti Norhazlin Mohd Said

PADA keluaran kali ini saya tidak menerangkan punca penyakit gusi (periodontitis) ini dengan lebih mendalam kerana banyak sumber yang boleh anda perolehi. Apa yang ingin dijelaskan di sini adalah perkaitan penyakit periodontitis dengan masalah perubatan. Kaitan ini sudah lama diketahui pakar. Bagaimanapun, masyarakat tidak mengetahui bagaimana kaitan ini berlaku. Tujuan kali ini adalah untuk memberikan sedikit informasi yang sesuai dan mudah difahami mengenai hubungan kait antara penyakit gusi dan masalah perubatan. Punca utama adalah daripada plak. Plak pergigian adalah suatu lapisan nipis yang lembut, melekit dan mudah melekat erat ke atas permukaan gigi yang tidak terdedah kepada geseran pipi, lidah dan permukaan pengunyahan. Ia akan menjadi tebal dan menguning pada permukaan gigi. Permukaan plak menjadi keras dan kasar membuatkan bakteria semakin banyak terkumpul. Bacteria akan berkongsi makanan apa yang kita makan dan seterusnya akan mengeluarkan bahan buangan yang terdiri daripada asid dan toksin. Asid akan menyebabkan gigi anda berlubang (karies) manakala toksin akan meresap ke permukaan gusi dan menyebabkan gusi radang. Dua peringkat penyakit gusi iaitu Gingivitis dan Periodontitis. Gingivitis ialah penyakit gusi peringkat awal yang hanya membabitkan tisu gusi sahaja. Periodontitis pula adalah penyakit gusi yang lebih parah dan membabitkan bahagian akar dan tisu penyokong gigi. Penyakit gusi adalah punca utama kehilangan gigi di kalangan warga emas.